

Ringgit susut nilai jejas sara hidup rakyat

SH/02.01.24 / m/s / 18

KEJATUHAN ringgit akan menyebabkan kenaikan harga barang terutama yang diimport dan dilihat berpotensi menambah beban kos sara hidup rakyat.

Golongan berpendapatan rendah adalah mereka yang paling terkesan. Misalnya golongan B40 dan M40 yang tinggal di kawasan bandar menanggung kos sara hidup tinggi disebabkan corak perbelanjaan serta gaya hidup.

Keadaan ini semakin teruk apabila banyak kalangan rakyat berdepan isu pendapatan

yang tidak meningkat, upah dan gaji merosot serta sistem perlindungan sosial tidak mencukupi. Peningkatan harga perkhidmatan asas seperti pendidikan, perubatan dan perumahan merupakan beban yang ditanggung oleh rakyat.

Sehubungan itu, kerajaan perlu memainkan peranan bagi memastikan kadar inflasi boleh dikawal selain menyediakan inisiatif membantu rakyat yang terkena tempias daripada kejatuhan nilai ringgit.

Satu cara adalah membangunkan pasaran domestik dan mengurangkan import barang. Kerajaan perlu bersedia melaksanakan tindakan sewajarnya terhadap susut nilai ringgit. Ini bagi mengelak sebarang kesan negatif yang berpotensi untuk melemahkan ekonomi negara yang akhirnya membebankan rakyat jelata.

Malaysia perlu mencari inisiatif yang boleh menyumbang kepada pengukuhan mata wang negara. Sebagai contoh, menambahkan keyakinan para pelabur asing dan memastikan kestabilan politik dalam negara.

Namun demikian, kejatuhan ringgit membuka ruang meningkatkan eksport negara apabila harga barangan yang dikeluarkan lebih murah berbanding negara luar.

Kedudukan ringgit yang belum stabil mempengaruhi harga barangan terutama produk import di pasaran. - Gambar hiasan

- Pelajar tahun akhir Sarjana Muda Ekonomi Sumber Alam,
Universiti Malaysia Terengganu (UMT),
Noraini Alpie1 dan Jaharudin Padli

DAPAT
kyat

